

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (20)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014-2015)  
BILANGAN 10 TAHUN 2015**

**Tarikh** : 28 Oktober 2015 (Rabu)  
**Masa** : 11.30 Pagi – 12.34 Tengahari  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan September dan Oktober 2015.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

3.1 Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk. Justeru itu, beliau berharap agar layanan dan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.



### 3.2 MEMBUDAYAKAN INTEGRITI

Etika dari segi istilah bermaksud prinsip moral (akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan individu atau kumpulan individu dalam sesebuah masyarakat.

Manakala integriti pula ditakrifkan sebagai kejujuran atau amanah (Kamus Dewan, 2010) semasa menjalankan tugas. Bagi pihak kerajaan, integriti membawa maksud sifat individu dan organisasi yang sempurna, memiliki teras nilai-nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana (MAMPU, 2012).

Dalam konteks pekerjaan atau perkhidmatan, integriti merangkumi sifat-sifat menyeluruh seseorang individu atau sesebuah organisasi berdasarkan nilai-nilai murni sejagat termasuk aspek akauntabiliti (MAMPU, 2012). Oleh yang demikian, sifat amanah, telus, bertanggungjawab dan berkhidmat demi kepentingan awam merupakan intipati istilah etika dan integriti.

Etika dan integriti dalam pekerjaan bukan sekadar penglibatan diri individu untuk menyediakan keperluan diri, sebaliknya ia membawa sejumlah nilai bagi menonjolkan kerja sebagai tindakan suci yang akhirnya mempunyai hubung kait erat dengan ajaran agama para pekerja (Shukri & Razali, 2001).

Penyampaian perkhidmatan dan kecekapan tadbir urus yang baik serta mengamalkan budaya kerja cemerlang merupakan ekspektasi yang perlu diberi perhatian selaras dengan moto dan misi perkhidmatan pelanggan MBPJ iaitu mesra, cepat dan tepat - kualiti keutamaan kami. Justeru itu, kita semua mesti bekerja keras untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis dapat mencapai tanda aras yang ditetapkan dan menepati kehendak masyarakat dan penduduk Petaling Jaya.

Di samping itu juga, dengan menghayati serta mengamalkan **5 nilai bersama** yang menjadi teras sepunya iaitu **Setia, Integriti, Profesionalisme, Utamakan Pelanggan** dan **Kerja Berpasukan** juga dapat meningkatkan nilai integriti yang tinggi di kalangan warga kerja Majlis dan selayaknya menghasilkan budaya kerja yang cemerlang selaras dengan ikrar integriti korporat *Corporate Integrity Pledge* (CIP) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri. Beliau turut memaklumkan bahawa beliau telah menandatangani CIP pada 20 April 2015 di SUK, manakala Ketua Jabatan MBPJ telah menandatangani CIP pada 21 Oktober 2015 semasa Majlis Pelancarannya diperingkat MBPJ. Beliau turut menekankan terdapat cabaran yang perlu ditangani di dalam membudayakan Integriti.



### 3.3 PJ SAFE-SAFETY FOR ALL

Di bawah hala tuju ke arah budaya selamat di Petaling Jaya, Majlis berhasrat untuk menyediakan satu Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya yang merangkumi semua aspek dengan tema 'PJ Safe-Safety for All'. Oleh yang demikian dengan kerjasama Malaysian Institute of Planners (MIP), MBPJ telah mengadakan seminar Petaling Jaya Towards a Safe and Inclusive City pada 26 Oktober 2015. Seminar ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada kakitangan Majlis dan semua 'Stakeholder' berkaitan isu-isu keselamatan yang merangkumi semua aspek keselamatan infrastruktur, keselamatan digital, dan keselamatan pengurusan/penguatkuasaan.

Beliau turut memaklumkan akan menubuhkan Unit Audit Keselamatan yang diletakkan terus di bawah pengawasan beliau untuk menjalankan tugas-tugas audit bagi aspek keselamatan projek-projek infrastruktur seperti jalan raya, pejalan kaki, laluan basikal, penanaman pokok-pokok landskap, pemasangan CCTV, pencahayaan, keselamatan di tempat letak kenderaan dan reka bentuk bangunan.

Program lain yang diletakkan di bawah program "**PJ SAFE-SAFETY FOR ALL**" ialah Program Pasukan Keselamatan Kejiranan (PKKPJ) yang telah dilancarkan pada 28 Julai 2011. Program PKKPJ ini bertujuan untuk menggalakkan penubuhan dan mengaktifkan sukarelawan keselamatan di kawasan kejiranan setempat.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama mewujudkan program keselamatan ini. Peruntukan sebanyak RM 5,000.00 diberikan kepada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan Bersama yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan bagi mengaktifkan program rondaan keselamatan di kawasan kejiranan mereka.

Objektif penubuhannya antara lain adalah bagi meningkatkan program rondaan penduduk, menguatkuasakan aktiviti pasukan keselamatan kejiranan Petaling Jaya bersama PDRM, meningkatkan kesedaran berhubung keselamatan di kalangan penduduk di Petaling Jaya dan meningkatkan penglibatan penduduk bersama Ahli Majlis, ADUN, Agensi-Agensi Pelaksana dan penduduk Petaling Jaya.

Prestasi dan KPI yang dianalisa adalah berdasarkan kepada 9 kriteria iaitu:-

- a) Ke kerap an taklimat,
- b) Ke kerap an dialog,
- c) Ke kerap an program kemasyarakatan,
- d) Kawalan keselamatan,
- e) Ke kerap an rondaan,



- f) Jumlah anggota,
- g) Tahap penglibatan penduduk,
- h) Tahap penglibatan agensi pelaksana,
- i) Tahap kesedaran penduduk.

Berikut adalah analisa laporan dan maklumbalas yang diterima menunjukkan bahawa:

- a) Program Pasukan Keselamatan Kejiranan ini yang dilaksanakan sepenuhnya dari tahun 2011 sehingga sekarang menunjukkan kesan yang menyeluruh dan komprehensif di dalam mencapai matlamat penubuhan dengan pelbagai inisiatif yang telah dilakukan.
- b) Kesenambungannya program PKKPJ ini telah berjaya merealisasikan satu daripada 15 langkah program Bandar Selamat yang menjadi indikator kepada pelaksanaan program LA 21.

Secara keseluruhannya, hasil daripada kriteria yang di nilai dan di ukur mendapati, program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya ini berjaya dari segi pelaksanaannya. Ini dibuktikan peratusan kenaikan kriteria yang dinilai setiap tahun di samping maklum balas penduduk setempat.

Mulai tahun 2016, peruntukan ini akan dinaikkan daripada RM5,000.00 kepada RM6,000.00. Kenaikan ini sebagai tanda sokongan Majlis kepada komuniti penduduk yang aktif dalam pelaksanaan program ini.

### 3.4 **KEMPEN BAYAR LESEN**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan kaunter bergerak pembaharuan lesen tred dan penjaja di beberapa lokasi di Petaling Jaya mulai 3 November 2015 hingga 23 Disember 2015. Aktiviti ini merupakan usaha dan langkah bijak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat di samping untuk menggalakkan serta memberi kemudahan kepada orang awam hadir ke lokasi pilihan yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Sebagai makluman, lesen bagi tahun 2016 boleh diperbaharui mulai 15 Oktober 2015 dan Majlis akan membuka kaunter bergerak bagi urusan pembaharuan lesen dan permohonan baru lesen perniagaan di lokasi-lokasi pilihan yang telah ditetapkan.

Oleh itu semua pemegang lesen dan peniaga boleh membuat pilihan untuk memperbaharui lesen tahun 2016 pada hari kaunter bergerak dibuka atau hadir ke kaunter Ibu Pejabat MBPJ pada waktu bekerja bermula pada 15 Oktober 2015 hingga 31 Disember 2015. Manakala bagi lesen penjaja pula pembaharuan boleh dibuat di Kaunter Jabatan Pelesenan di Tingkat 6, Menara MBPJ.

Sepanjang bulan Disember, waktu operasi kaunter pembaharuan akan dilanjutkan pada hari Sabtu dan Ahad. Majlis turut memberi peringatan kepada pemegang-pemegang lesen yang mempunyai kelulusan kebenaran merancang dan tukar guna bangunan, mereka perlu mengemukakan terlebih dahulu pembaharuan kebenaran merancang 3 bulan sebelum tarikh tamat kebenaran berkenaan di Jabatan Perancangan Pembangunan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan lesen perniagaan tidak dapat diperbaharui pada tahun 2016.

Mengikut rekod Majlis, terdapat 508 premis yang perlu memperbaharui Kebenaran Merancang untuk tahun 2016 daripada pelbagai jenis aktiviti seperti Institusi Pendidikan, Taska dan Tadika, Rumah Jagaan, Hotel Bajet, Nurseri dan lain-lain.

Semua pemegang lesen perniagaan juga diingatkan untuk memperbaharui lesen perniagaan 2016 sebelum **31 Disember 2015**. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan caj lewat dikenakan ke atas setiap akaun lesen yang lewat diperbaharui.

Tujuan pelaksanaan yang dilakukan ini adalah lebih kepada memudahkan orang awam, serta tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan. Majlis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurusan pusat membeli belah kerana telah memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan kempen jom bayar lesen ini. Semoga dengan adanya perkhidmatan kaunter bergerak Jom Bayar Lesen ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan dengan Majlis.

### 3.5 OPERASI KENDERAAN BURUK

Majlis giat menjalankan operasi pindah alih kenderaan buruk di Petaling Jaya. Tujuan operasi dijalankan adalah membendung tempat pembiakan nyamuk aedes yang menyumbang kepada masalah denggi dan penyakit berjangkit yang lain. Ia juga dapat mengatasi masalah halangan-halangan petak di tempat kereta selain membendung masalah kesihatan kepada penduduk setempat.



Pelaksanaan operasi ini dijalankan secara bersepadu oleh Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Persekitaran. Operasi yang diadakan setiap hari dan bertumpu di lokasi-lokasi “hot-spot” yang telah dikenal pasti.

Tindakan yang diambil adalah selaras dengan peruntukan undang-undang Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 33) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Berdasarkan statistik, sebanyak 425 aduan berhubung kenderaan buruk/terbiar direkodkan pada 2014. Sehingga Oktober 2015, sebanyak 286 buah kenderaan buruk/terbiar telah diambil tindakan pengalihan dan sebanyak 188 kenderaan buruk dilupuskan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis mengingatkan dan memohon kerjasama penduduk untuk memaklumkan aduan kenderaan buruk/terbiar di kawasan Petaling Jaya. Manakala bagi pengusaha bengkel membaiki kereta pula, Majlis mengingatkan agar mematuhi undang-undang dan tidak membuat halangan petak bagi keselesaan awam.

### 3.6 WABAK DENGGI

Sehingga 19 Oktober 2015, minggu epid 42, sebanyak 6,761 kes denggi telah di laporkan di Petaling Jaya. Sehingga kini, terdapat 39 kawasan wabak di kesan meliputi 7 adalah lokaliti wabak hot spot dan 3 lokaliti wabak tidak terkawal.

Walaupun bagaimanapun, kawasan Petaling Jaya masih menunjukkan trend penurunan kes demam denggi ini. Penurunan kes demam denggi dicatatkan semenjak minggu epid 27 (minggu pertama Julai 2015) iaitu sebanyak 261 kes dilaporkan pada minggu tersebut, manakala hanya 77 kes dilaporkan pada minggu epid 41 (17 Julai).

Penurunan kes denggi ini dicatatkan menerusi tindakan dari pelbagai jabatan menerusi Jawatankuasa Task Force Denggi MBPJ, kempen-kempen kesedaran, serta aktiviti cari dan musnah yang dijalankan bersama masyarakat yang mendapat kerjasama yang komitmen daripada Ahli Majlis.

Sehubungan dengan itu, semua langkah yang diambil ini hendaklah berterusan dan diperkukuhkan lagi memandangkan peningkatan kes demam denggi dijangka meningkat disebabkan kemungkinan berlaku perubahan strain denggi dan perubahan suhu cuaca.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat, Majlis akan melancarkan laman sesawang denggi info MBPJ yang dapat diakses melalui laman sesawang rasmi Majlis. Penduduk Petaling Jaya juga boleh mendapatkan maklumat lokasi terdapatnya kes demam denggi di Petaling Jaya.

Dengan adanya laman sesawang ini, Majlis berharap agar semua lapisan masyarakat peka dengan situasi kes demam denggi di kawasan perumahan mereka atau persekitaran dengan mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya seperti menggunakan *repelant* semasa menjalankan aktiviti luar rumah dan juga menjalankan aktiviti membebaskan kawasan rumah dan persekitaran dari pembiakan jentik-jentik.

### 3.7 PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN ATASI PENYAKIT TYPHOID

Penyakit Typhoid adalah merupakan penyakit bawaan bakteria ***salmonella typhi*** dan ***para typhi*** yang disebarkan melalui makanan dan minuman.

Tanda-tanda sakit biasa penyakit Typhoid ini ialah demam panas, dengan suhu tinggi 39- 40c, sakit perut, sakit kepala, sembelit atau cirit birit.

Laporan yang diterima dari Kementerian Kesihatan Malaysia pada 23 Oktober menunjukkan tiada kes Typhoid dilaporkan berlaku di Petaling Jaya setakat ini.

Penyakit Typhoid ini boleh dicegah melalui imunisasi TY2 yang diberikan kepada semua pengendali makanan. Adalah ini, pengusaha restoran dan gerai hendaklah memastikan mereka yang mengendalikan makanan di premis makanan mereka telah mendapatkan imunisasi TY2 ini. Imunisasi TY2 ini hendaklah di ulang ambil setiap 3 tahun sekali.

Bagi mencegah berlakunya penyakit Typhoid di Petaling Jaya, kakitangan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran sentiasa komited menjalankan pemeriksaan di premis-premis makanan seperti restoran dan gerai bagi memastikan setiap pengendali makanan telah mempunyai imunisasi penyakit Typhoid.

Selain itu juga, pihak Jabatan akan menjalankan operasi TY2 bagi pemeriksaan premis makanan dan pengendali makanan dengan lebih meluas.



### 3.8 JEREBU

Bandar Raya Petaling Jaya pernah mencatatkan bacaan IPU sangat tidak sihat iaitu bacaan 218 direkodkan.

Sehubungan dengan itu, kaedah pengukuran dan bacaan IPU yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar (DOE) dirangka berdasarkan kesan kepada kesihatan awam iaitu orang ramai.

Kementerian Kesihatan Malaysia menggesa agar semua penganjuran majlis atau aktiviti hendaklah mengelakkan aktiviti di luar bangunan sekiranya bacaan IPU melebihi 100.

Kementerian juga melalui Jabatan Kesihatan Negeri sedang menjalankan pemantauan penyakit berkaitan jerebu (jangkitan saluran atas pernafasan, asma dan sakit mata) di klinik-klinik kerajaan terpilih seluruh Malaysia. Pemantauan yang dijalankan ini mendapati kedatangan pesakit secara umumnya tidak menunjukkan trend peningkatan yang ketara walaupun terdapat trend peningkatan kehadiran di beberapa klinik sentinel.

Majlis menasihatkan masyarakat Petaling Jaya agar mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan kesan kesihatan yang merosot akibat jerebu dengan mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah dan menggunakan penutup hidung dan mulut yang sesuai.

Majlis juga akan terus menerus memantau jika berlakunya pembakaran terbuka dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

## 4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 9 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

### 4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 9 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 9 Tahun 2015 bertarikh 30 September 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

### 4.2 MINIT MESYUARAT MAJLIS KHAS (BAJET 2016), MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

4.2.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan Khas (Bajet 2016), bertarikh 6 Oktober 2015 telah diluluskan dengan pindaan bagi perkara 5.6 a) baris ke dua dan b) baris ketiga di muka surat 10 seperti berikut:-





- a) ... berkarbon rendah. Oleh itu, Majlis perlu menetapkan polisi berkenaan pengurangan penggunaan kereta persendirian di kawasan pusat bandar khususnya Pusat Bandar Seksyen 52.
- b) ... stakeholder. Beliau mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada Datuk Bandar, Pengarah Jabatan Perbendaharaan serta warga kerjanya dan juga Ketua Jabatan yang lain dalam penyediaan bejet 2016.

**4.3 MINIT MESYUARAT MAJLIS KHAS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 6 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)**

4.3.1 Minit Mesyuarat Majlis Khas bilangan 6 Tahun 2015 bertarikh 28 Oktober 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

**5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 9 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 SEPTEMBER 2015**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.0	<p><b>LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT BILANGAN 8 TAHUN 2015</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peruntukan tambahan bas percuma dan perkhidmatan bas sekolah</li> </ul>	<p>Merujuk kepada pembentangan Mesyuarat Bajet yang lalu, Majlis telah meluluskan tambahan Perkhidmatan Bas Percuma seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Laluan PJ02 – 4 buah bas</li> <li>ii. Laluan PJ03 – 3 buah bas</li> <li>iii. Laluan PJ04 – 3 buah bas</li> <li>iv. Bas elektrik – 4 buah bas</li> </ul> <p>Berikutan sambutan Perkhidmatan PJ City Bus yang meningkat, Majlis telah menyediakan sebuah bas khas (Shuttle Service) untuk pelajar-pelajar sekolah di sekitar laluan PJ01 dan PJ02 seperti butiran yang berikut, dan telah pun memulakan operasinya pada 1 Oktober 2015 yang lalu.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Masa : 6.30 pagi sahaja (bermula di Hab Bas Taman Medan dan berakhir di LRT Taman Jaya)            Jumlah Bas : 1 buah            Nama Laluan : PJ City Bas Sekolah</p> <p>Walaupun bagaimanapun buat masa ini, hanya laluan pergi sahaja yang telah dilaksanakan, manakala laluan balik dari sekolah akan dilaksanakan kemudian.</p>

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 7 OKTOBER 2015, 20 OKTOBER 2015.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (20)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (22)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit OSC, MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 7 OKTOBER 2015, 16 OKTOBER 2015 DAN 23 OKTOBER 2015.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (139)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (141)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (143)

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**



**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 12 OKTOBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (79)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK  
BERTARIKH 12 OKTOBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (133)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN  
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 OKTOBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (62)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH  
13 OKTOBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (37)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN  
PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 15 OKTOBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (138)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**



**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 19 OKTOBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (54)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 19 OKTOBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (45)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

6.9.2 Mesyuarat memutuskan agar Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bandar menyediakan tiga (3) kertas kerja untuk pembentangan pada bulan November sebagaimana yang dibangkitkan oleh Encik Tang Fuie Koh. Perkara-perkara yang sepatutnya dibentangkan di dalam mesyuarat bulan Oktober akan tetapi tidak dibentangkan oleh Urusetia Mesyuarat adalah seperti berikut-

- a) Pusat Komuniti ICT
- b) `Billboard`
- c) SOP Jabatan Pelesenan (perlu dibentangkan semula dan tindakan pembatalan lesen terhadap peniaga yang gagal mematuhi syarat-syarat atau peraturan yang telah ditetapkan perlu dimasukkan di dalam SOP).

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 20 OKTOBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (109)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**



## 7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

### 7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING

#### 7.1.1 Beliau membangkitkan isu berkaitan kes kari kambing

Pertama sekali beliau mengucapkan terima kasih kepada pengarah dan kakitangan Jabatan Kesihatan dan Persekitaran yang membuat siasatan bermula Februari 2015. Sepanjang tempoh siasatan, tiada kebocoran maklumat berkaitan siasatan ke atas kes yang disiasat. Beliau turut berharap agar jabatan berkaitan mengambil tindakan ke atas restoran yang melakukan kesalahan.

Beliau memaklumkan bahawa tujuan beliau meminta agar siasatan diadakan ke atas restoran-restoran kerana beliau menerima aduan daripada orang awam berkaitan perkara di atas. Oleh yang demikian beliau memohon agar Jabatan Kesihatan Persekitaran membuat siasatan ke atas aduan tersebut bagi memastikan kebenaran ke atas aduan itu.

Selain daripada itu beliau berharap agar Jabatan Kesihatan Persekitaran membuat pemantauan dan siasatan ke atas restoran-restoran di Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.**

### 7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN

#### 7.2.1 Beliau membangkitkan 3 perkara iaitu:-

##### a) Perkhidmatan 'PJ Free Bus'

Beliau mencadangkan agar Majlis mengkaji untuk membuat tambahan ke atas perjalanan 'PJ free Bus' dan melaksanakan pelantikan kepada syarikat bas secara tender terbuka bagi 'PJ Free Bus' memandangkan ia melibatkan jumlah yang besar iaitu lebih daripada RM6 juta.



b) Penyelenggaraan dan Promosi 'PJ Free Bus'

Beliau turut mencadangkan agar 'PJ Free Bus' diselenggara oleh 'Urban Transportation Division'.

Beliau berharap agar Majlis memaklumkan kepada penduduk Petaling Jaya berkaitan peruntukan sebanyak RM6 juta lebih yang diperuntukkan kepada 'PJ Free Bus' dan kemajuan yang dicapai terhadap kemudahan 'PJ Free Bus'.

c) Perhentian Bas dan Stesen Bas di Petaling Jaya

Bagi meningkatkan perkhidmatan yang lebih baik selaras dengan kemudahan 'PJ Free Bus', beliau berharap agar MBPJ menyelenggara semua 'Bus Stop' di kawasan Petaling Jaya.

Selain daripada itu, beliau turut mencadangkan pembinaan stesen bas yang dinaik taraf sebagaimana stesen MRT yang mempunyai banyak kemudahan untuk penduduk Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

7.2.2 Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan di atas pencapaian ke atas Rancangan Tempatan dan berharap agar tindakan segera dibuat untuk merealisasikan pelan tersebut.

Tumpuan ke atas 'green area' dikaji sama ada mencukupi atau tidak dalam rancangan akan datang agar selari dengan pembangunan di Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.**

7.3 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR**

7.3.1 Beliau berharap agar Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar mempercepatkan tindakan ke atas perkara-perkara yang belum selesai bagi menghadapi PJ Fair pada 28-29 November 2015 ini.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.**



7.3.2 Beliau berharap agar Majlis mempromosikan Program Keselamatan yang memperuntukan sebanyak RM5,000.00 kepada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan Bersama. Banner boleh digantung di kawasan awam dan pejabat-pejabat Ahli Majlis bagi makluman penduduk. Peruntukan ini diberikan kepada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan Bersama yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan bagi mengaktifkan program rondaan keselamatan di kawasan kejiranan mereka.

**Tindakan : Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.**

7.3.3 Beliau berharap agar Ahli Majlis dilibatkan sama di dalam Kursus Tadbir Urus yang melibatkan etika, tugas dan kepimpinan yang dianjurkan oleh Majlis.

**Tindakan : Timbalan Pengarah, Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.**

7.3.4 Beliau berharap agar Jabatan Kesihatan Persekitaran membuat pemantauan ke atas Medan Selera di kawasan Petaling Jaya terutama di PJS. Beliau mendapati setengah Medan Selera agak terbiar dan tidak terurus.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.**

7.3.5 Beliau turut membangkitkan isu urusan Majlis dengan Pejabat Tanah. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar YB ADUN dapat menyuarakan perkara ini di dalam Dewan Undangan Negeri yang akan bersidang minggu depan. Beliau turut berharap agar Majlis dapat menyelesaikan perkara ini dengan segera.

7.3.6 Berkaitan 'PJ City Bus'. Beliau berharap agar perkhidmatan 'PJ City Bus' dipanjangkan ke kawasan beliau iaitu di PJS 5 – PJS 10 agar penduduk di kawasan beliau dapat menikmati perkhidmatan yang diberi.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**





#### 7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB TUAN LAU WENG SAN


7.4.1 Beliau membangkitkan projek menaik taraf longkang di SS 1/21 yang menelan belanja jutaan ringgit. Menurut beliau sehingga sekarang projek tersebut masih belum siap sepenuhnya walaupun tarikh dijangka siap adalah pada April 2015. Beliau berharap agar Majlis dapat mengambil tindakan segera memandangkan perkara ini menimbulkan pelbagai masalah dan menjadi rungutan penduduk di kawasan tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

7.4.2 Beliau turut membangkitkan sikap peniaga-peniaga yang beroperasi di Bazar Deepavali, Sungai Way. Hasil pemerhatian, beliau mendapati bahawa semenjak tahun 2010 lagi peniaga-peniaga di bazar tersebut tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis. Perkara ini menimbulkan perasaan tidak puas hati penduduk dan menimbulkan masalah kesesakan lalulintas di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Majlis mengambil tindakan tegas ke atas peniaga tersebut sama ada memindahkan Bazar Deepavali ke tempat yang sesuai sekiranya peniaga masih gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.34 petang. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat. Beliau turut memaklumkan bahawa Majlis merancang banyak program yang akan dan telah dilaksanakan demi kebaikan penduduk Petaling Jaya.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 4 November 2015

## LAMPIRAN KEHADIRAN

### HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Tony Cheong Siew Thong, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Ang Ming Ern, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Azizi bin Ariffin, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Puan Sia Siew Chin, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Tang Fuie Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Mahharul bin Ismail, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Puan Cynthia Gabriel, Ahli Majlis, MBPJ.



15. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Shatiri bin Mansor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Chong Fook Meng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Wong Yuet Leng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Chan Kien Fatt,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.
02. YM. Raja Fairuz binti Raja Mazlan, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Puan Mahzura binti Mohd Amin,  
Wakil Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Ruzaida binti Mokhtar,  
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah,  
Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Md Isa,  
Pemangku Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,  
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.



18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

#### **AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ali Firdaus bin Othman,  
Wakil ADUN Taman Medan.
03. YB. Tuan Lau Weng San,  
ADUN Kg. Tunku.
04. Encik Zamshuri bin Ramli,  
Wakil ADUN Kota Damansara.
05. Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin,  
Penyelaras DUN Kota Damansara.

#### **URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

